

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

TAHUN 2021

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang disediakan setiap tahun oleh Jabatan Kewangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak - 1972). Penyata Kewangan Kerajaan Negeri diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melaporkan semua urusan kewangan sesuatu tahun kewangan. Ia mengakaun semua terimaan dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kedudukan Kewangan disokong oleh Penyata Aset dan Penyata Kumpulanwang Disatukan, manakala Penyata Akaun Memorandum disokong oleh Penyata Memorandum Aset dan Liabiliti.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 16.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu menyelenggara lejar subsidiari pendeposit dengan teratur, lengkap dan kemas kini. Senarai baki akaun deposit hendaklah selari dengan rekod kewangan bagi memastikan baki deposit diperakaunkan dengan tepat dan betul.

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
8 JULAI 2022



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

1. PENDAHULUAN


Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang ini disediakan setiap tahun mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (disemak 1972). Pada tahun ini Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang telah disediakan dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 22 Februari 2022. Penyata Kewangan ini melaporkan semua urusan perakaunan kecuali maklumat Aset dan Liabiliti bagi tahun 2021 dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Maklumat Aset dan Liabiliti dilaporkan hanya sebagai item di bawah Penyata Akaun Memorandum.

Kedudukan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk tahun 2021 berjumlah RM2,117.00 juta meningkat sebanyak RM295.54 juta daripada tahun 2020. Peningkatan ini adalah hasil daripada peningkatan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM334.51 juta berbanding tahun 2020. Jadual 1 menunjukkan perbezaan antara tahun 2020 dan 2021 bagi akaun-akaun dalam Kumpulan Wang Disatukan. Carta 1 pula menunjukkan aliran kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2017 – 2021.

JADUAL 1 : PERBANDINGAN KEDUDUKAN AKAUN-AKAUN KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI BAGI TAHUN 2020 DAN 2021

	2021	2020	+ / (-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
AKAUN HASIL DISATUKAN	848.81	887.78	(38.97)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	1,268.19	933.68	334.51
KUMPULAN WANG DISATUKAN	2,117.00	1,821.46	295.54

CARTA 1 : KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI DARI TAHUN 2017 – 2021



2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah Wang Awam berupa Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

2.1. WANG AWAM

2.1.1 Wang Tunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai dalam Bank, Wang Tunai dalam Perjalanan dan Wang Tunai dalam Tangan. Baki Wang Tunai sebanyak RM197.07 juta adalah mencakupi Wang Tunai dalam Bank sejumlah RM196.70 juta dan Wang Tunai dalam Tangan sejumlah RM0.37 juta. Baki Wang Tunai pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM133.51 juta berbanding tahun 2020

yang berjumlah RM63.56 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh jumlah Wang Tunai dalam Bank meningkat sebanyak RM133.50 juta berbanding RM63.20 juta pada tahun 2020 serta jumlah Wang Tunai dalam tangan meningkat sebanyak RM0.01 juta berbanding RM0.36 juta pada tahun 2020. Wang Tunai dalam Bank termasuk pelaburan dalam tempoh tiga bulan atau kurang selaras dengan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)*. Jadual 2 menunjukkan perbezaan antara tahun 2020 dan 2021 bagi jumlah wang tunai.

JADUAL 2 : KEDUDUKAN WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2020 DAN 2021

	2021	2020	+ / (-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
WANG TUNAI DALAM BANK	196.70	63.20	133.50
WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	0.00	0.00	0.00
WANG TUNAI DALAM TANGAN	0.37	0.36	0.01
JUMLAH WANG TUNAI	197.07	63.56	133.51

2.1.2 Pelaburan

Amaun Pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2021 berjumlah RM1,919.93 juta. Amaun ini terdiri daripada pelaburan Deposit Dana Am berjumlah RM1,844.10 juta, pelaburan ekuiti sebanyak RM31.15 juta, pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM43.70 juta dan pelaburan daripada Pelbagai Aset Kewangan berjumlah RM0.98 juta. Deposit Dana Am meningkat sebanyak RM145 juta berbanding sebanyak RM1,699.10 juta tahun 2020. Pelaburan Ekuiti menurun sebanyak RM0.30 juta berbanding sebanyak RM31.45 juta pada tahun 2020. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dalam bentuk simpanan tetap meningkat

sebanyak RM16.35 juta berbanding tahun 2020 sebanyak RM27.35 juta.


2.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

2.2.1 AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan kurangan berjumlah RM38.97 juta. Kurangan ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM692.24 juta berbanding perbelanjaan mengurus sejumlah RM630.90 juta dan pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM100 juta serta pelarasan tahun sebelum yang berjumlah RM0.31 juta. Kurangan ini menjadikan jumlah baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun dari RM887.78 juta dalam tahun berakhir 2020 menjadi RM848.81 juta bagi tahun berakhir 2021.

Carta 2 menunjukkan kedudukan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan dari tahun 2017 sehingga tahun 2021.

CARTA 2 : KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN NEGERI DARI TAHUN 2017 – 2021




2.2.1.1 Prestasi Hasil Negeri

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Carta 3 menunjukkan peratusan agihan komponen-komponen hasil bagi tahun 2021.

Pada tahun 2021 hasil meningkat sebanyak RM224.96 juta berbanding tahun 2020. Prestasi hasil negeri bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti di Jadual 3.

CARTA 3 : PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2021



JADUAL 3 : PRESTASI HASIL KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN HASIL BAGI TAHUN 2017 – 2021

KOMPONEN	TAHUN				
	2017 (RM JUTA)	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)	2020 (RM JUTA)	2021 (RM JUTA)
HASIL CUKAI	135.54	135.69	135.50	130.07	133.33
HASIL BUKAN CUKAI	341.04	591.61	330.14	254.22	474.23
TERIMAAN BUKAN HASIL	280.43	259.75	195.88	82.99	84.68
JUMLAH	757.01	987.05	661.52	467.28	692.24

a. Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2021 meningkat sebanyak RM3.26 juta berbanding tahun 2020. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Tanah. Pada tahun 2021, Hasil Cukai Tanah yang dikutip adalah sebanyak RM131.62 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM8.15 juta dari tahun 2020.

b. Hasil Bukan Cukai

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2021 meningkat sejumlah RM220.01 juta berbanding tahun 2020. Hasil Bukan Cukai terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan dari Jualan Barang-barang, Sewaan, Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan, Denda dan Hukuman serta Sumbangan dan Bayaran Ganti. Hasil paling tinggi yang dikutip bagi kategori ini adalah bagi Perolehan dari Jualan Barang-Barang iaitu sebanyak RM270.71 juta. Hasil di bawah kategori ini meningkat sebanyak RM222.29 juta berbanding tahun 2020.


c. Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan, Terimaan dari Agensi Kerajaan dan Lain-lain Terimaan. Terimaan di bawah kategori ini bagi tahun 2021 berjumlah RM84.68 juta menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.69 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM82.99 juta.

2.2.1.2 Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM730.90 juta. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan sejumlah RM26.95 juta dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM703.95 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Emolumen sebanyak RM175.13 juta, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM150.09 juta, Perolehan Aset sebanyak RM4.46 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM397.53 juta serta Perbelanjaan Lain sebanyak RM3.69 juta. Carta 4 menunjukkan Peratusan Komponen Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2021. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2021 adalah menurun sebanyak RM3.16 juta. Prestasi Perbelanjaan Negeri bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti di Jadual 4.

CARTA 4 : PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2021



**JADUAL 4 : PRESTASI PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN
PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2017 – 2021**

KOMPONEN	TAHUN				
	2017 (RM JUTA)	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)	2020 (RM JUTA)	2021 (RM JUTA)
EMOLUMEN	163.55	162.91	171.40	175.74	175.13
PERKHIDMATAN & BEKALAN	140.31	147.26	168.18	142.88	150.09
ASET	7.77	6.27	5.24	3.48	4.46
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	391.02	686.89	234.93	407.00	397.53
PERBELANJAAN LAIN	3.20	1.99	1.56	4.96	3.69
JUMLAH	705.85	1,005.32	581.31	734.06	730.90

a. Emolumen

Perbelanjaan untuk Maksud Emolumen adalah berjumlah RM175.13 juta pada tahun 2021. Jumlah ini menurun sebanyak RM0.61 juta berbanding tahun 2020.

b. Perkhidmatan dan Bekalan

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan perkhidmatan yang dibeli, penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak RM7.21 juta berbanding perbelanjaan tahun 2020.

c. Aset

Jumlah perbelanjaan Aset bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM4.46 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM0.98 juta berbanding tahun 2020.

d. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM397.53 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM9.47 juta berbanding tahun 2020. Perbelanjaan bagi komponen ini adalah merupakan peratusan yang paling besar berbanding komponen perbelanjaan yang lain. Antara perbelanjaan di bawah komponen ini adalah penyaluran bantuan kepada rakyat melalui program-program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan juga pemindahan dana ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tujuan projek-projek pembangunan kerajaan.

e. Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain

Jumlah Perbelanjaan Lain bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM3.69 juta iaitu menurun sebanyak RM1.27 juta berbanding tahun 2020.

2.2.2 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

2.2.2.1. Pinjaman Dalam Negeri

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman dan pindahan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2020. Tiada terimaan dan pindahan pinjaman bagi tahun 2021. Jadual 5 menunjukkan prestasi akaun pinjaman disatukan dari tahun 2017 hingga 2021.

JADUAL 5 : PRESTASI AKAUN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 – 2021


PERIHAL	TAHUN				
	2017 (RM JUTA)	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)	2020 (RM JUTA)	2021 (RM JUTA)
BAKI PADA 1 JANUARI	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
TERIMAAN PINJAMAN	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
PINDAHAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00

2.2.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Baki Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2021 berjumlah RM1,268.19 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM334.51 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM933.68 juta.

Carta 5 menunjukkan kedudukan Akaun Amanah Disatukan dari tahun 2017 hingga 2021 manakala jadual 6 pula menunjukkan prestasi komponen Akaun Amanah Disatukan Kerajaan Negeri bagi tempoh yang sama.

CARTA 5 : KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN NEGERI DARI TAHUN 2017 – 2021



JADUAL 6 : PRESTASI KOMPONEN AKAUN AMANAH DISATUKAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 – 2021

PERIHAL	TAHUN				
	2017 (RM JUTA)	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)	2020 (RM JUTA)	2021 (RM JUTA)
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	47.85	46.44	52.48	26.74	84.57
PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	171.11	137.96	177.09	176.32	225.55
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	467.46	504.19	527.85	552.90	796.14
AKAUN WANG DEPOSIT	191.33	207.66	187.57	177.72	161.93
JUMLAH	877.75	896.25	944.99	933.68	1,268.19

2.2.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan

Penerimaan bagi Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM100 juta, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup RM16.31 juta, Terimaan Balik Pinjaman daripada Agensi Kerajaan RM118.81 juta, Terimaan Balik

Pinjaman oleh Badan Berkanun RM2.20 juta, Hasil Pajakan RM9.44 juta dan Pelbagai Terimaan RM16.65 juta. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM205.58 juta.

2.2.3.2 Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang diwujudkan dari peruntukan Kerajaan Negeri. Antara akaun-akaun amanah berkenaan adalah Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Akaun Amanah Tabung TYT, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Pelbagai Kumpulan Wang. Secara keseluruhannya jumlah baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini meningkat sebanyak RM49.23 juta berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM176.32 juta.

2.2.3.3 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang ini pada tahun berakhir 2021 ialah sebanyak RM796.14 juta meningkat sejumlah RM243.24 juta berbanding baki bagi tahun 2020.

2.2.3.4 Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Sehingga akhir tahun 2021, wang deposit keseluruhannya berjumlah RM161.93 juta.

3. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

3.1. ASET

Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, Hasil Belum Terima dan Bayaran Air Mentah.

3.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd. Sehingga tahun 2021, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah sebanyak RM132.38 juta terdiri daripada pinjaman kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai sebanyak RM44.25 juta, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak RM21.15 juta, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. sebanyak RM33.80 juta dan Jelutong Development Sdn. Bhd. sebanyak RM33.18 juta.

3.1.2. Pelaburan

Pelaburan yang dilaporkan dalam Akaun Memorandum menunjukkan pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurus dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan pelaburan-pelaburan ekuiti dalam PBA Holdings Bhd., Maxis dan Astro. Jumlah nilai pelaburan sehingga akhir tahun 2021 ialah RM229.48 juta. Pengurus Dana memegang sebanyak RM26.67 juta, Maxis Bhd. RM25.25 juta, Malaysia Airport Berhad (Right Issue) RM4.73 juta dan PBA Holdings Bhd sebanyak RM172.83 juta.

3.1.3. Hasil Belum Terima

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2021, Hasil Belum Terima Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM86.03 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM13.58 juta berbanding tahun 2020 iaitu RM99.61 juta. Sebahagian besar hasil yang belum terima ini adalah terdiri dari Cukai Tanah yang belum diterima iaitu sebanyak RM63.44 juta dan Pinjaman Penuntut berjumlah RM3.76 juta.

3.1.4. Bayaran Fi Air Mentah

Baki Bayaran Fi Air Mentah bagi tahun berakhir 2021 adalah sejumlah RM6.18 juta.

3.2 LIABILITI

3.2.1. Hutang Awam Kerajaan Negeri

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun berakhir 31 Disember 2021 berjumlah RM45.41 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM4.22 juta berbanding baki tahun 2020 berjumlah RM49.63 juta.

3.2.2 Liabiliti Luar Jangka

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar Kerajaan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau sesuatu peristiwa tertentu. Ini termasuk *back-to-back guarantee* yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk kemudahan pinjaman kredit Tidar yang diperolehi daripada Maybank Berhad, CIMB Bank Berhad, Affin Bank Berhad dan RHB Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad dan HSBC Amanah Malaysia Berhad berjumlah RM864.40 juta sehingga 31 Disember 2021.

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2021.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2021.



DATO' DR MOHAMAD FARAZL BIN JOHARI

Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang

16 Februari 2022



MOHD AMRAN BIN ABD. GHANI

Bendahari Negeri Pulau Pinang

16 Februari 2022

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2021

		<u>2021</u>	<u>2020</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	197,074,214.14	63,558,583.09
PELABURAN	4	1,919,932,000.00	1,757,900,000.00
		2,117,006,214.14	1,821,458,583.09
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	848,815,999.64	887,775,694.93
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,268,190,214.50	933,682,888.16
		2,117,006,214.14	1,821,458,583.09

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

		<u>2021</u>		<u>2020</u>	
	<u>Nota</u>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		133,328,696.08		130,069,153.16	
Hasil Bukan Cukai		474,232,330.79		254,218,352.37	
Terimaan Bukan Hasil		<u>84,681,301.47</u>	692,242,328.34	<u>82,989,692.38</u>	467,277,197.91
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		0.00		0.00	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
Terimaan Modal	4 dan 7				
Jualan Instrumen Kewangan		<u>269,854,287.17</u>	269,854,287.17	<u>327,000,000.00</u>	327,000,000.00
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		<u>4,101,141,763.32</u>	4,101,141,763.32	<u>8,207,471,548.42</u>	8,207,471,548.42
Jumlah Terimaan			<u>5,063,238,378.83</u>		<u>9,001,748,746.33</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)

bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

		<u>2021</u>		<u>2020</u>	
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		175,126,794.11		175,738,881.54	
Perkhidmatan dan Bekalan		150,094,795.94		142,881,539.51	
Aset		4,462,568.29		3,486,694.25	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		397,527,413.22		406,996,518.45	
Perbelanjaan Lain		<u>3,688,452.07</u>	730,900,023.63	<u>4,957,173.28</u>	734,060,807.03
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		205,579,722.52		265,329,002.10	
Pinjaman		<u>0.00</u>	205,579,722.52	<u>0.00</u>	265,329,002.10
Perbelanjaan Modal	4 dan 7				
Pembelian Instrumen Kewangan		<u>431,886,287.17</u>	431,886,287.17	<u>12,000,000.00</u>	12,000,000.00
Pembiayaan Hutang	5				
Dalam Negeri		-		-	
Kepada Agensi		<u>0.00</u>	-	<u>0.00</u>	-
Bayaran Lain	7				
Akaun Amanah		<u>3,561,356,714.46</u>	3,561,356,714.46	<u>7,953,729,002.42</u>	7,953,729,002.42
Jumlah Bayaran			<u>4,929,722,747.78</u>		<u>8,965,118,811.55</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			133,515,631.05		36,629,934.78
Wang Tunai Pada 1 Januari			63,558,583.09		26,928,648.31
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>197,074,214.14</u>		<u>63,558,583.09</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

0

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

		<u>2021</u>	<u>2020</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	506,019,389.00	692,242,328.34
<u>Tolak:</u>			
Belanja Mengurus	5	909,824,959.00	630,900,023.63
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(403,805,570.00)	61,342,304.71
<u>Tolak:</u>			
Belanja Pembangunan	7	294,106,207.00	205,579,722.52
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(697,911,777.00)	(116,783,609.12)
DIBIAYAI OLEH:			
Pinjaman	6	0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7	163,405,665.39	89,592,502.98
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah		(19,168,247.58)	292,520,108.24
JUMLAH PEMBIAYAAN		144,237,417.81	382,112,611.22

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2021

		<u>2021</u>	<u>2020</u>
	<u>Nota</u>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
MEMORANDUM ASET			
Pinjaman Boleh Dituntut	8	132,384,768.16	248,014,298.58
Pelaburan		229,481,762.00	232,993,729.45
MEMORANDUM LIABILITI			
Hutang Awam	9	45,412,096.86	49,628,591.44

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan :
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusanniaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusanniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2021 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- Penyata Prestasi Kewangan
- Penyata Akaun Memorandum
- Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan merupakan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2021 RM	2020 RM
Wang Tunai Dalam Tangan	367,700.00	362,400.00
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00
Wang Tunai Dalam Bank	196,706,514.14	63,196,183.09
JUMLAH WANG TUNAI	197,074,214.14	63,558,583.09

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2021 Nilai Buku		2020 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Saham	0.00	31,148,000.00	0.00	31,450,000.00
Deposit Dalam Negeri	43,700,000.00	1,844,100,000.00	27,350,000.00	1,699,100,000.00
Pelbagai Aset Kewangan	984,000.00	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah</i>	44,684,000.00	1,875,248,000.00	27,350,000.00	1,730,550,000.00
JUMLAH PELABURAN	1,919,932,000.00		1,757,900,000.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusniaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

Perihal	2021			2020	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		887,775,694.93		1,154,842,913.90	
HASIL					
Hasil Cukai	162,974,267.00	133,328,696.08	81.81	130,069,153.16	76.45
Hasil Bukan Cukai	250,741,029.00	474,232,330.79	189.13	254,218,352.37	95.70
Terimaan Bukan Hasil	92,304,093.00	84,681,301.47	91.74	82,989,692.38	99.51
<i>Jumlah Hasil</i>	506,019,389.00	692,242,328.34	136.80	467,277,197.91	90.01
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	184,409,097.14	175,126,794.11	94.97	175,738,881.54	96.60
Perkhidmatan dan Bekalan	178,233,021.08	150,094,795.94	84.21	142,881,539.51	83.91
Aset	4,983,789.78	4,462,568.29	89.54	3,486,694.25	75.19
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	337,350,352.00	297,527,413.22	88.20	256,996,518.45	60.05
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	4,848,699.00	3,688,452.07	76.07	4,957,173.28	63.36
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	709,824,959.00	630,900,023.63	88.88	584,060,807.03	73.68
<i>Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	200,000,000.00	100,000,000.00		150,000,000.00	
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	909,824,959.00	730,900,023.63	80.33	734,060,807.03	77.87
<i>Pelarasan Jurnal Tahun Sebelum Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>	(403,805,570.00)	(302,000.00) (38,959,695.29)		(283,609.85) (267,067,218.97)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		848,815,999.64		887,775,694.93	

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

Perihal	2021			2020	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	Sebenar RM	% Anggaran
HASIL CUKAI					
Cukai Tanah	145,224,375.00	145,224,375.00	131,622,285.66	123,469,632.01	81.07
Cukai Parit Dan Taliair	636,241.00	636,241.00	529,716.77	543,278.17	80.70
Cukai Langsung Yang Lain	113,651.00	113,651.00	2,700.00	79,274.45	50.08
Royalti	0.00	0.00	380,380.00		0.00
Cukai Hiburan	17,000,000.00	17,000,000.00	793,613.65	5,976,968.53	35.16
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	162,974,267.00	162,974,267.00	133,328,696.08	130,069,153.16	76.45

(disambung)

(sambungan)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

Perihal	2021				2020	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran						
Pendaftaran dan Permit	47,378,975.00	47,378,975.00	77,642,824.33	163.88	61,602,965.34	120.60
Perkhidmatan dan Bayaran						
Perkhidmatan	51,425,076.00	51,425,076.00	60,548,081.35	117.74	42,624,667.42	78.72
Perolehan daripada Jualan						
Barang-barang	55,156,030.00	55,156,030.00	270,712,835.26	490.81	48,425,771.86	62.54
Sewaan	9,780,748.00	9,780,748.00	7,376,447.81	75.42	5,812,956.42	33.71
Faedah Dan Perolehan						
Dari Pelaburan	71,624,120.00	71,624,120.00	53,314,348.84	74.44	92,460,409.95	157.72
Denda dan Hukuman	15,369,060.00	15,369,060.00	4,488,683.17	29.21	3,290,156.38	46.41
Sumbangan Dan Bayaran	7,020.00	7,020.00	149,110.03	2,124.07	1,425.00	20.30
Ganti						
Daripada Luar Negeri Dan						
Sumbangan Tempatan						
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	250,741,029.00	250,741,029.00	474,232,330.79	189.13	254,218,352.37	95.70
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik						
Perbelanjaan	1,045,706.00	1,045,706.00	18,180,416.77	1,738.58	3,001,110.14	994.21
Terimaan daripada Agensi						
Kerajaan	91,258,387.00	91,258,387.00	66,073,304.19	72.40	79,424,030.89	95.58
Lain-lain Terimaan Atau						
Pindahan Atau Sumbangan	0.00	0.00	427,580.51	0.00	563,781.35	0.00
Keuntungan Dari						
Perubahan Nilai Aset	0.00	0.00	0.00	0.00	770.00	0.00
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	92,304,093.00	92,304,093.00	84,681,301.47	91.74	82,989,692.38	99.51
JUMLAH HASIL	506,019,389.00	506,019,389.00	692,242,328.34	136.80	467,277,197.91	90.01

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

<i>Maksud Perbelanjaan</i>	2021		%
	Anggaran	Anggaran	
	Asal	Dipinda	Sebenar
	RM	RM	Anggaran
PERBELANJAAN TANGGUNGAN			
T. 01 Peruntukan Diraja	4,076,610.00	4,076,610.00	3,959,505.00
T. 02 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	337,900.00	337,900.00	259,069.88
T. 03 Jabatan Kewangan Negeri	29,899,220.00	29,899,220.00	22,734,717.67
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	34,313,730.00	34,313,730.00	26,953,292.55
PERBELANJAAN BEKALAN			
B. 01 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	179,116,740.00	179,116,740.00	167,108,348.23
B. 02 Pejabat Tanah Dan Galian	12,391,178.00	12,391,178.00	11,790,654.91
B. 03 Pejabat Daerah Dan Tanah, Daerah Timur Laut	7,832,338.00	7,832,338.00	7,059,945.67
B. 04 Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya	7,172,056.00	7,172,056.00	6,567,726.80
B. 05 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara	8,650,110.00	8,650,110.00	8,295,286.90
B. 06 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	8,669,151.00	8,669,151.00	8,096,681.50
B. 07 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	7,016,160.00	7,016,160.00	6,439,702.83
B. 08 Jabatan Pengairan Dan Saliran	43,376,164.00	43,376,164.00	42,531,794.46
B. 09 Jabatan Perhutanan	3,927,800.00	3,927,800.00	3,588,348.01
B. 10 Jabatan Taman Botani	5,194,010.00	5,194,010.00	5,051,803.00
B. 12 Jabatan Kerja Raya	39,637,240.00	39,637,240.00	37,226,465.84
B. 13 Jabatan Hal Ehwal Agama	21,095,630.00	21,095,630.00	20,072,492.16
B. 14 Jabatan Kebajikan Masyarakat	10,641,670.00	10,641,670.00	10,338,078.78
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	4,782,900.00	4,782,900.00	4,061,010.65
B. 16 Jabatan Kewangan Negeri	487,430,150.00	487,430,150.00	238,587,131.70
B. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	7,181,089.00	7,181,089.00	6,898,335.37
B. 18 Jabatan Pertanian	8,576,143.00	8,576,143.00	8,123,324.68
B. 19 Jabatan Mufti Negeri	3,255,100.00	3,255,100.00	2,879,704.14
B. 20 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	8,080,100.00	8,080,100.00	7,956,501.57
B. 21 Jabatan Pendakwaan Syariah Pulau Pinang	1,485,500.00	1,485,500.00	1,273,393.88
<i>Jumlah Perbelanjaan Bekalan</i>	875,511,229.00	875,511,229.00	603,946,731.08
PERBELANJAAN MENGURUS	909,824,959.00	909,824,959.00	630,900,023.63
PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			100,000,000.00
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)			730,900,023.63

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran A - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengaakun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan.

Bayaran faedah hutang negeri tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T03.

Semua baki Pinjaman dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

<i>Perihal</i>	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Badan Berkanun		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
Bekalan Air		
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00
Terimaan	0.00	0.00
Bayaran	0.00	0.00
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengaakun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, sebahagian besar urusan semasa terdiri daripada urusan Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan. Akaun penyelesaian ini mengaakun urusan bagi Akaun Kawalan dan akaun seumpamanya yang tidak melibatkan terimaan atau bayaran sebenar.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

<i>Perihal</i>	Baki pada 01.01.2021 (Debit)/Kredit RM	Debit RM	Kredit RM	Baki pada 31.12.2021 (Debit)/Kredit RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	26,741,257.22	205,579,722.52	263,405,665.39	84,567,200.09
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	0.00	0.00	0.00	0.00
Akaun Penyelesaian	48,883.15	2,080,018,170.45	2,079,969,287.30	0.00
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	176,274,526.76	592,912,783.01	642,194,643.22	225,556,386.97
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>203,064,667.13</i>	<i>2,878,510,675.98</i>	<i>2,985,569,595.91</i>	<i>310,123,587.06</i>
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Khas dan Am	552,900,931.58	663,693,477.42	906,928,972.86	796,136,427.02
